



# Keperluan Hukuman Pemulihan Terhadap Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan: Satu Cadangan

Jenayah  
Syariah

## *The Need for Rehabilitative Punishment for the Offence of Man Posing as Woman: A Proposal*

01

MOHD AFIZUL HAKIM IBAKARIM

(Corresponding Author)

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),

Bangi Selangor

afizulhakim@gmail.com

Submitted: 23 Mei 2021

Revised: 3 October 2021

Accepted: 29 October 2021

E-Published: 31 October 2021

IBRAHIM MAZLAN, MOHD RAFI SANUSI

SAHUL HAMID MOIDEEN

Akademi Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor

mrafi885@gmail.com, yem\_1345@yahoo.com,

sahulhamid@esyariah.gov.my

MUHD HELMI BIN KASMAN

MOHD SYAHIR SAHAB

Cluster of Education and Social Sciences

Open University Malaysia (OUM),

Petaling Jaya, Selangor

helmizdecasmanez@gmail.com,

tunbanang@yahoo.com

### ABSTRAK

Kelakuan lelaki berlagak seperti perempuan atau diistilahkan sebagai mukhannas adalah salah satu bentuk kesalahan jenayah syariah yang mempunyai pengertian yang tersendiri. Peruntukan perundangan dan hukuman terhadap kesalahan tersebut telah dinyatakan dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Artikel ini bertujuan membincangkan definisi lelaki berlagak seperti perempuan menurut perspektif Islam. Fokus perbincangan menjerus kepada definisi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan dan larangan-larangan perbuatan tersebut berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Perbincangan ini mengupas bentuk-bentuk hukuman bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan dan keberkesanan hukuman terhadap jenayah tersebut. Bagi melengkapkan perbincangan ini, penulis juga akan mengkaji bentuk-bentuk





hukuman pemulihan yang bersesuaian dengan kesalahan tersebut. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti buku-buku, artikel-artikel dan kes-kes mahkamah yang berkaitan. Kajian ini hanya merujuk kepada undang-undang jenayah Islam di negeri Johor. Hasil kajian mendapati terdapat peruntukan lain yang boleh dituduh selain daripada peruntukan asal. Selain itu, penulis mendapati terdapat beberapa bentuk hukuman pemulihan yang boleh dijatuhkan kepada pesalah dengan tujuan untuk memberi pengajaran serta mencadangkan hukuman tersebut diamalkan di Mahkamah Syariah supaya pesalah dapat menjalani program pemulihan moral dan akhlak, agar mereka benar-benar insaf dan tidak melakukan jenayah yang sama lagi. Hukuman pemulihan seperti perintah menghadiri kelas bimbingan dan agama merupakan hukuman terbaik dalam usaha untuk mengembalikan mereka ke jalan yang benar dan insaf terhadap perkara yang telah dilakukan.

**Kata kunci:** Lelaki Berlagak Seperti Perempuan, Undang-Undang Jenayah Syariah, Hukuman, Perintah Pemulihan, Mahkamah Syariah

### ABSTRACT

A man who acts or disguises as a woman or known as *mukhannas* is one of the forms of sharia criminal offence which has its own definition. The relevant provisions and penalties for the offence are already mentioned in the Acts/Shariah Criminal Offences Enactments in Malaysia. This paper aims to discuss the definition of man posing as woman according to Islamic perspective. Thus, the focus of this article is on the definition of the offence of man posing as woman and its bans in al-Quran and as-Sunnah. This study also examines the forms of punishment of the related offence and its effectiveness. To complement this discussion, the authors will study the appropriate forms of punishment for that offence. The methods used in this paper is library-based research that analyses documents such as books, articles and relevant cases. This study refers only to the Islamic criminal law in the state of Johor. The study finds that there are other provisions that could be charged with, in addition to the specific provision of the offence. Furthermore, it is found that there are some forms of punishment that could be inflicted to offenders with the aim to provide discipline and it is recommended that such punishments should be practised in the Shariah Court in order that the offenders may undergo moral recovery program, with the intent that they are fully repented and they do not commit the same offence again. Rehabilitative punishment like an order to attend religious classes is the most appropriate sentence in an effort to guide them to the right path and to penitence.

**Keyword:** Man posing as woman, Shariah Criminal Law, Punishment, Rehabilitation Order, Shariah Court



## **PENGENALAN**

Golongan lelaki yang berlagak seperti perempuan atau dalam sebutan lain digelar sebagai mak nyah ini, bukan lagi satu perkara yang janggal untuk dilihat di seluruh negara. Kemunculan golongan ini begitu menarik perhatian disebabkan gaya dan lenggok mereka yang mengatasi seseorang perempuan yang sebenar. Golongan ini boleh dilihat di pasaraya, di dalam kenderaan awam dan boleh juga dilihat di persekitaran institusi pengajian tinggi.

Golongan ini sering kali dilihat di lorong-lorong berpakaian dan berhias seperti seorang perempuan. Adakalanya golongan ini dilihat lebih cantik daripada seorang wanita tulen. Terdapat juga sebahagian golongan ini berani menggayakan pakaian menjolok mata dengan mendedahkan sebahagian tubuh badan bagi mendapatkan perhatian daripada orang lelaki. Mereka ini memiliki naluri yang lembut serta fizikal luarannya perempuan, namun hakikat kejadian bagi seorang lelaki yang telah dicipta dengan fitrah semula jadi mereka yang tersendiri tetap tidak akan berubah.

Masyarakat sering melontarkan pelbagai tohmahan atau gelaran kepada golongan ini yang mana begitu keliru tentang isu gender ini. Istilah tersebut misalnya seperti pondan, bapuk, mak nyah, khunsa, lelaki lembut dan sebagainya. Terdapat juga istilah lain yang dikaitkan dengan mereka iaitu 'transeksual'. Hakikatnya isu ini bukan merupakan isu yang baru tetapi ia kurang dibincangkan secara terbuka, mahupun di seminar dan jarang juga mendapat liputan media massa ataupun secara ilmiah dalam buku. Hal ini mungkin disebabkan persepsi masyarakat sekeliling yang menanggap isu ini satu isu yang remeh, sensitif di mana melibatkan maruah sesebuah keluarga serta ada juga yang berpendapat ia tidak wajar diperbesarkan. Oleh yang demikian, keperluan kepada pencegahan gejala ini daripada terus berleluasa. Satu cadangan kepada hukuman pemulihan kepada golongan seperti ini wajar dilaksanakan di mahkamah kerana golongan seperti ini perlu dibentuk dan dibimbing supaya menjadi lelaki yang sejati.

## **TAKRIF LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN**

Maksud lelaki berlagak seperti perempuan adalah lelaki memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di tempat awam atas tujuan tidak bermoral (EKJSJ, 1997). Manakala dari sudut syaraknya pula, ia terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

### **a) Lelaki**

Seseorang lelaki yang jelas mempunyai satu alat sulit sahaja diiringi dengan janggut dan jika berkahwin boleh menurunkan zuriat.

### **b) Perempuan**

Seseorang perempuan yang jelas mengalami haid, tumbuh payudara dan boleh mengandung serta melahirkan anak.

**c) Khunsa**

Seseorang yang mengalami kecelaruan jantina dimana mempunyai dua alat sulit salah satunya berfungsi tetapi salah satunya yang lain tidak berfungsi, maka dinyatakan sebagai alat tambahan sahaja dan ini dikenali sebagai khunsa wadhah. Manakala seseorang yang mempunyai dua alat sulit tetapi kedua-duanya tidak berfungsi dinamakan sebagai khunsa mushkil (Asmugi, 2001)

**d) Mukhannas**

Seseorang lelaki yang berlagak seperti sifat seorang wanita dari segi tingkahlakunya dan kelembutannya. Oleh yang demikian, golongan yang terdiri daripada lelaki berlagak seperti perempuan ini adalah diistilahkan sebagai *mukhannas*. Di bawah ini penulis akan menerangkan secara terperinci mengenai pengertian *mukhannas*.

**Mukhannas**

*Mukhannas* dari segi bahasa didefinisikan sebagai mempunyai dua sifat yang lembut atau seorang yang mempunyai sifat keperempuanan yang banyak dan lemah lembut. Selain itu, ia juga bermaksud orang yang menyerupai perempuan dari segi perwatakan yang lemah lembut. Manakala dari segi istilahnya pula seorang lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti tingkah laku perempuan sama ada dari segi perbuatan, keadaan, percakapan dan selainnya (Ali Sarbini, 2002). Ia juga bermaksud seseorang lelaki yang menyerupai seorang wanita pada kelembutan, percakapan, pandangan, pergerakan dan sebagainya. Di dalam kamus *Mu'jam Fuqaha'* pula menerangkan *mukhannas* bermaksud lelaki yang menyerupai seorang perempuan sama ada dari segi berjalan, percakapan, martabat dan kelembutannya (Muhammad Rawas, 1985).

Selain itu, takrifan *mukhannas* dalam mazhab Syafie ialah seorang lelaki yang bersifat keperempuanan dalam pergerakan badan, jika sedemikian sifatnya maka ia tidak berdosa (al-Sharbini, 1997). Menurut mazhab Imam Abu Hanifah, *mukhannas* ialah seorang lelaki yang mengalami kematian daripada tingkah laku seorang lelaki maka ia bertingklaku sebaliknya bahkan melampaui batas dengan meletakkan dirinya kepada sifat keperempuanan sama ada pergerakan anggotanya lembut dan suaranya pecah daripada asal kejadiannya seorang lelaki (al-Sarkhasi, 1987). Demikian juga pandangan daripada mazhab Imam Malik yang menjelaskan perkara ini ialah seseorang itu keterlaluan dan disebabkan oleh dirinya sendiri serta memiliki sifat keperempuanan yang bersangatan sehingga menyerupai seorang perempuan dari segi kelembutan, percakapan, perwatakan, suara, akal fikiran dan perbuatan (al-Andalusi, 1967).

Mazhab Imam Ahmad menyatakan *mukhannas* ialah seorang yang tiada syahwat atau rosak syahwatnya yang berkelakuan seperti wanita daripada sifat seorang lelaki (Ibn Qudamah, 1997). Menurut Abdul Aziz bin Haji Hanafi di dalam kertas kerja beliau telah menjelaskan bahawa *mukhannas* ini ialah seseorang lelaki yang menyerupai

akhlaknya dengan akhlak seorang wanita dari segi kelembutannya dan perbuatannya. Mereka ini boleh dibahagikan kepada dua golongan:

- i) Mereka yang cuma menerima sahaja keadaan tersebut sebagai satu pemberian Allah S.W.T dan tidak membuat sebarang rangsangan untuk menyuburkan lagi keadaan-keadaan tersebut. Mereka sedar bahawa ianya bukanlah merupakan satu cemuhan atau celaan dan orang-orang yang mengalami keadaan itu tidak menanggung sebarang dosa kerana itu kesemuanya adalah kehendak Allah S.W.T.
- ii) Mereka yang tidak memadai dengan keadaan tersebut malah bertindak merangsangkan lagi keadaan-keadaan itu sehingga mengubah bentuk sifat kekelakuan mereka dan menyuburkan sifat kewanitaan. Golongan ini telah dinyatakan dalam hadis Rasulullah S.A.W sebagai orang-orang yang dijauhi rahmat Allah S.W.T. (Abd. Aziz Hj Hanafi, 1987)

Selain itu, *mukhannas* juga terdapat pembahagian tertentu. Ia terbahagi kepada dua kumpulan jantina iaitu *mukhannas tabi'i* dan *mukhannas paksaan*. *Mukhannas tabi'i* sudah pasti dilahirkan semula jadi dengan mempunyai sifat keperempuanan. Berbeza pula dengan *mukhannas paksaan* pula, disebabkan oleh salah didikan dan tafsiran yang salah daripada masyarakat serta kebiasaannya aktiviti mereka menjadi pelacur (Mariani Ali, 2012).

Justeru itu, setelah meneliti istilah pembahagian jenis manusia tersebut, maka dapat diketahui bahawa golongan lelaki berlagak seperti perempuan ini terdiri daripada *mukhannas* iaitu menyerupai sesuatu jantina yang berlawanan dengannya. *Mukhannas* merupakan seseorang lelaki yang berkemahuan untuk meniru seperti perwatakan seorang perempuan.

### **HUKUM LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH**

Golongan ini mempunyai naluri yang berlainan dengan jantina asalnya dan meniru gaya penampilan jantina yang lain. Oleh itu, hukum ini perlu diterangkan untuk mengetahui kedudukannya sama ada dibolehkan atau tidak. Berdasarkan firman Allah S.W.T iaitu:

*...dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah.*

(An-Nisa', 4: 119)

Berdasarkan kepada ayat di atas, Ibn Kathir menjelaskan bahawa larangan untuk mengubah sesuatu ciptaan Allah S.W.T. Seperti mana mengenai seorang wanita melakukan pembedahan untuk kecantikan untuk mengubah ciptaan Allah S.W.T dan sebaliknya. Oleh yang demikian, maka melakukan sesuatu dengan mengubah kejadian Allah S.W.T hanya berpandukan hawa nafsu semata-mata adalah haram (Ibn Kathir, 1988) Perkara ini juga terikat terhadap pembedahan menukar jantina kecuali

dengan syarat-syarat tertentu. Bagi golongan *mukhannas* yang mana penyerupaan lelaki kepada perempuan dan sebaliknya adalah dilarang keras sama sekali (Jamil al-Luwaihiq, t.th.). *Mukhannas* cuma memiliki zakar sahaja semenjak lahir tetapi sikapnya menjadi lembut lebih daripada seorang wanita disebabkan oleh dorongan naluri dan tekanan jiwa (Mariani Ali, 2012). Hukum *tasyabbuh* ini haram bahkan salah satu dosa besar kerana telah thabit dengan nas-nas syarie bahawa Allah S.W.T melaknat orang yang melakukannya (JAKIM, 2013).

Tambahan pula, terdapat dua hadis Rasulullah SAW yang menyokong pengharaman mengubah jantina ini melalui pembedahan. Menurut sebuah hadis Rasulullah SAW di dalam kitab Shahih Bukhari yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud r.a yang menerangkan mengenai larangan Allah S.W.T mengubah ciptaannya iaitu:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لَعَنَ اللَّهُ الْوَائِثِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالْمُتَنَفِّجَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ مَا لِي لَا أَلْعَنُ مَنْ لَعَنَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ

Dari Ibnu Mas'ud r.a dia berkata; "Allah melaknat orang yang mentatu dan yang minta ditatu dan mencukur habis kening mata serta merenggangkan gigi (dengan kawat dll) untuk kecantikan dengan merubah ciptaan Allah, kenapa saya tidak melaknat orang yang dilaknat Rasulullah SAW sementara telah tertulis dalam kitabullah."

(Sahih Bukhari, Kitab: al-Libas, Bab: al-Mawsula, No. 5487)

Selain itu, terdapat sebuah hadis Rasulullah SAW yang menerangkan bahawa Allah SWT melaknat lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ تَابَعَهُ عَمْرُوٌّ أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ

Dari Ibnu Abbas radliallahu 'anhuma dia berkata; "Allah melaknat laki-laki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai laki-laki." Hadis ini diperkuat juga dengan hadis 'Amru telah mengabarkan kepada kami syu'bah.

(Sahih Bukhari, Kitab: al-Libas, Bab: al-Mutashabihun bialnisa' wal Mutashabihat bil rijal, No. 5435)

Berdasarkan hadis ini, celaan bagi kedua-dua golongan itu sebagaimana yang diistilahkan laknat dalam hadis tersebut. Maknanya lelaki tidak boleh menyerupai perempuan dan perhiasan yang khusus terhadap perempuan dan begitu sebaliknya. Selain itu, Ibn Hajar telah menambahkan di dalam kitab *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* iaitu penyerupaan dari segi bercakap dan berjalan. Oleh yang demikian, golongan ini akan mendapat celaan sekiranya menyerupai dalam bercakap dan berjalan terhadap jantina yang bertentangan dengannya secara sengaja. Maka



mereka diarahkan meninggalkannya dengan secara perlahan. Jika tiada sebarang usaha untuk meninggalkan perbuatan tersebut, mereka akan mendapat makian dan celaan.

Walau bagaimanapun terdapat sebahagian ulama' membenarkan perbuatan ini seperti Imam Nawawi disebabkan oleh mereka sukar untuk meninggalkan penyerupaan ini setelah berusaha mengubati dirinya dengan pelbagai cara (Ibn Hajar Asqalani, 1986). Berdasarkan kepada pandangan ini, para fuqaha' telah membahagikan hukum berkaitan dengan *mukhannas* kepada dua perkara seperti berikut:

- i) Individu-individu yang dijadikan seperti sedemikian dan tidak ada niat bertingklaku dengan akhlak perempuan dari segi penampilan, percakapan dan perbuatan mereka bahkan ia adalah sifat semulajadi yang dijadikan Allah S.W.T kepadanya. Maka tiada celaan, makian, tidak berdosa dan tidak dikenakan hukuman kerana keuzuran yang dialaminya tidak berkehendak untuk menjadi seperti sedemikian.
- ii) Individu-individu ini tidak menjadi seperti sedemikian pada awal kelahirannya, bahkan sengaja menyerupai seperti perempuan dalam percakapan, perbuatan dan pilihannya sendiri. Maka ini akan mendapat celaan yang telah disebut dalam hadis-hadis sahih dengan melaknatnya melakukan perbuatan tersebut (\_\_\_\_\_ 1990).

## **UNDANG-UNDANG YANG MENGAWALSELIA JENAYAH LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN**

Hukuman yang dikenakan bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan merupakan hukuman ta'zir. Para fuqaha' telah mentakrifkan ta'zir sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya, diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia, di dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had dan kafarah, mempunyai tujuan sama seperti pembalasan had (*hudud*), iaitu memberikan pengajaran (*ta'dib*), mengadakan pemulihan (*islah*) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (*zajr*). Maksiat yang dimaksudkan oleh para fuqaha' ialah tindakan melanggar apa sahaja larangan syarak atau meninggalkan perintah yang telah diwajibkan oleh Allah untuk dilakukan (Mat Saad Abd. Rahman, 2008). Ulama'-ulama' Fiqh turut menyatakan bahawa ta'zir merupakan hukuman yang tidak ditentukan dan berbeza sama sekali dengan hudud dan qisas. Oleh kerana ta'zir mempunyai skop yang luas, maka terdapat peluang yang banyak dan meluas kepada Qadi, Hakim dan pemerintah sesebuah negara Islam untuk menjatuhkan hukuman ta'zir mengikut apa yang dirasakan mereka sebagai setimpal (Hashim Mehat, 1991).

Di Negeri Johor, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan hukuman yang akan dikenakan kepada pesalah lelaki berlagak seperti perempuan

seperti mana yang telah dinyatakan di dalam Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan:

...pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan...

Walau bagaimanapun, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355) menghadkan kuasa kerajaan negeri untuk meluluskan undang-undang berkaitan jenayah syariah maka Mahkamah Syariah hanya dibenarkan menghukum dengan hukuman yang disebutkan (Mat Saad, 2008). Peruntukan seksyen bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan walaupun berbeza di setiap negeri, namun kebanyakan negeri menggunakan istilah dan maksud yang sama. Selain itu, hukuman yang dikenakan kepada pesalah juga adalah sama iaitu hukuman penjara atau hukuman denda atau kedua-duanya. Artikel ini akan mengambil contoh peruntukan undang-undang mengenai kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan di Johor.

Seksyen 28. Orang lelaki berlagak seperti perempuan.

Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 secara ringkasnya telah menyatakan lima elemen yang mana boleh mensabitkan bahawa seseorang telah melakukan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan sekiranya berjaya dibuktikan. Elemen-elemen tersebut tersebut ialah:

- i) Seseorang lelaki yang
- ii) Didapati memakai pakaian perempuan
- iii) Berlagak seperti perempuan
- iv) Di mana tempat-tempat awam
- v) Bagi tujuan yang tidak bermoral

Selain daripada hukuman yang disebut didalam peruntukan si atas, terdapat satu peruntukan undang-undang yang bersesuaian dalam mengawalselia jenayah tersebut sekiranya elemen-elemen dalam seksyen 28 tidak mencukupi untuk didakwa. Penulis mencadangkan seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 untuk digunapakai dalam kesalahan tersebut. Peruntukan tersebut telah menyebut:

Seksyen 29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan



dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Peruntukan ini bersifat umum dan ia boleh menghukum sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam, akan tetapi dalam peruntukan tersebut, ada menyebut perkataan '*bertindak atau berkelakuan tidak sopan*', yang dimaksudkan dengan perkataan tersebut, ia telah diterangkan dalam Arahan Amalan No 8 Tahun 2005 sebagaimana berikut:

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005  
Maksud Perkataan Bertindak atau Berkelakuan Tidak Sopan  
Di Dalam Seksyen 29 Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah  
Syariah Negeri-Negeri

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10-12hb April 2005 bersamaan 1-3 Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan maksud perkataan "bertindak atau berkelakuan tidak sopan" di bawah Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau dalam mana-mana Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri, adalah apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat awam termasuklah:

- (i) bercumbu-cumbuan;
- (ii) berpeluk-pelukan;
- (iii) pertuturan atau isyarat lucu atau berpakaian yang menghairahkan; atau
- (iv) lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Berdasarkan kepada arahan amalan tersebut, maka jelaslah bahawa kesalahan yang berhubungan dengan perbuatan tidak sopan di tempat awam mempunyai beberapa penjelasan yang terperinci dalam menuduh seseorang itu ke meja pengadilan dalam mencegah seseorang itu melakukan kesalahan jenayah syariah. Berdasarkan seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 dan Arahan Amalan No 8 Tahun 2005 secara ringkasnya telah menyatakan beberapa elemen yang mana ia boleh mensabitkan bahawa seseorang telah melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam sekiranya berjaya dibuktikan. Situasi tersebut ialah:



- i) Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang didapati bertindak berkelakuan tidak sopan:
  - a) Bercumbu-cumbuan,
  - b) Berpeluk-pelukan,
  - c) Pertuturan,
  - d) Isyarat lucah,
  - e) Berpakaian yang mengghairahkan,
  - f) lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada peruntukan seksyen 28 & 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997, Pendakwa Syarie boleh menuduh pesalah tersebut berdasarkan seksyen 28 EKJSNJ 1997 dan sekiranya terdapat elemen-elemen yang tidak kuat seperti tiada elemen tujuan tidak bermoral, Pendakwa Syarie boleh menuduh pesalah tersebut berdasarkan seksyen 29 EKJSNJ 1997 dengan elemen '*mana-mana lelaki berpakaian yang mengghairahkan*'. Persoalan yang timbul ialah apakah mahkamah mempunyai kuasa budi bicara yang luas dalam membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman.

#### **KEBERKESANAN HUKUMAN PENJARA DAN DENDA DALAM MENCEGAH JENAYAH LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN**

Terdapat satu kes yang tidak dilaporkan di mana tertuduh yang sama telah ditangkap sebanyak empat kali bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan iaitu *Pendakwa Syarie Iwn Mohd Zain bin Md Sani (01003-159-0128-2009, 01003-159-0451-2010, 01003-159-0251-2011 & 01003-159-0127-2012)*. Tertuduh telah ditangkap pertama kali pada 13 Mei 2009 di Jalan Meriam, daerah Muar atas kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan dan mahkamah ketika itu telah menjatuhkan hukuman 3 bulan penjara terhadap tertuduh pada 24 Disember 2009. Kes kedua, tertuduh yang sama telah ditangkap pada 16 Oktober 2010 di Jalan Sayang, daerah Muar atas kesalahan yang sama dan mahkamah ketika itu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1000.00 dan 3 bulan penjara pada 23 Disember 2010. Selain itu, pada 27 Mei 2011 tertuduh telah ditangkap untuk kali yang ketika di dalam kereta di Jalan Sayang, daerah Muar atas kesalahan yang sama dan mahkamah ketika itu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1000.00 dan 6 bulan penjara atau 3 bulan penjara pada 16 Jun 2011. Pada 20 Mei 2012 tertuduh telah ditangkap untuk kali yang keempat atas kesalahan yang sama dan pada 21 Mei 2012, lelaki tersebut telah dijatuhi hukuman denda sebanyak RM1000.00 atau satu bulan penjara serta mahkamah mengarahkan tertuduh tersebut hadir di Pejabat Agama Daerah Muar pada setiap hari khamis untuk mejalani sesi kaunseling.

Berdasarkan kepada kes di atas, jelas menunjukkan bahawa hukuman denda dan penjara masih belum berkesan dalam memulihkan nilai moral dan agama pesalah lelaki berlagak seperti perempuan. Oleh yang demikian, satu hukuman alternatif perlu dilaksanakan bagi mengelakkan jenayah yang sama berulang. Hukuman penjara telah lama dilaksanakan di Malaysia. Secara tepat, tidak dapat dipastikan tarikh



sebenarnya kewujudan institusi penjara di Malaysia namun berdasarkan sumber dan catatan sejarah, ianya telah dilaksanakan sejak pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Tujuan utama penjara ialah menahan seseorang yang belum dijatuhkan hukuman atau seseorang yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah (Abdullah Yusof, 2001).

Sebahagian ulama' mengatakan bahawa hukuman penjara harus dilaksanakan di dalam kesalahan ta'zir berdasarkan Surah An-nisa' ayat 15 yang bermaksud:

*Dan (terhadap para wanita yang mengerjakan perbuatan keji, maka bawalah empat orang daripada kalangan kamu untuk menjadi saksi ke atas mereka, jika mereka telah memberi kesaksian, maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) di dalam rumah sehingga mereka menemui ajal ataupun sehingga Allah menunjukkan jalan yang lain kepada mereka.*

(An-nisa', 4:15)

Berdasarkan kepada ayat di atas jelas menunjukkan bahawa hukuman penjara atau mengurung tahanan telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi. Di Malaysia, terdapat pelbagai program rawatan secara berkala yang diatur oleh pihak penjara antaranya ialah program keagamaan. Persoalan yang timbul ialah adakah program keagamaan yang disediakan mampu mencegah pesalah jenayah lelaki berlagak seperti perempuan daripada melakukan jenayah yang sama? Program keagamaan yang diadakan oleh pihak penjara ialah program fardu ain, kelas pengajian fiqh, akhlak, tasawuf, sirah, tafsir, hadis dan Al-Quran. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian dan tinjauan, program keagamaan yang disediakan pihak penjara ternyata tidak memberi kesan kepada banduan. Perkara ini berlaku kerana banduan tidak diwajibkan menghadiri kelas-kelas tersebut di samping terdapat limitasi bilangan banduan yang boleh menghadiri kelas pada satu-satu masa (Abdullah Yusof, 2001). Berdasarkan praktis semasa juga, hukuman paling tinggi bagi pesalah khalwat ialah hukuman denda dan jarang terdapat pesalah yang dikenakan hukuman penjara melainkan pesalah gagal membayar denda.

Bagi hukuman denda pula, menurut jumhur fuqaha', hukuman tersebut dianggap sebagai satu bentuk pembalasan ta'zir yang diharuskan (Mat Saad, 2008). Denda yang dikenakan kepada pesalah lelaki berlagak seperti perempuan dalam seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Johor) 1997 adalah tidak melebihi RM1,000.00. Hukuman seringan itu mungkin tidak mampu memberikan pengajaran kepada pesalah mahupun kepada masyarakat kerana denda sering kali dapat dilunaskan oleh pesalah yang berkemampuan untuk membayarnya tanpa menimbulkankan rasa insaf dalam dirinya (<http://www.jksm.gov.my/jksns>). Secara tidak langsung, hukuman ini gagal dalam usaha memulihkan nilai moral dan agama pesalah.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa hukuman penjara dan denda masih belum berkesan dalam mencegah jenayah lelaki berlagak seperti perempuan atau mencegah pesalah mengulangi jenayah yang sama berdasarkan statistik jenayah



lelaki berlagak seperti perempuan. Statistik yang diambil daripada kajian-kajian terdahulu jelas menunjukkan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan semakin berleluasa apabila terdapat peningkatan yang ketara dari tahun ke setahun.

Jadual 1: Statistik Tangkapan Kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan dalam Negeri Johor bagi Tahun 2017-2020

Bil	Daerah	Tahun			
		2017	2018	2019	2020
1	Johor Bahru	0	0	2	1
2	Kota Tinggi	0	0	0	0
3	Pontian	0	0	0	0
4	Mersing	0	0	0	0
5	Kluang	0	0	0	0
6	Batu Pahat	0	0	0	0
7	Muar	2	1	2	0
8	Segamat	0	0	0	0
9	Ledang	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>1</b>

(Sumber: Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Johor)

## **CADANGAN KEPADA HUKUMAN PEMULIHAN TERHADAP KESALAHAN ORANG LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN**

Dalam undang-undang jenayah syariah khususnya di Negeri Johor, terdapat beberapa bentuk-bentuk hukuman pemulihan yang boleh diguna pakai dalam mengatasi kesalahan tersebut. Pertimbangan atau budi bicara oleh Hakim Syariah boleh menggunakan peruntukan tersebut sekiranya sesuai. Hukuman pemulihan yang dicadangan adalah sebagaimana berikut:

### **1) Perintah Khidmat Masyarakat**

Hukuman perintah khidmat masyarakat boleh dilihat menerusi Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor yang telah meletakkan beberapa bentuk hukuman yang bersifat khidmat masyarakat yang boleh diputuskan oleh mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Rujukan ini perlu dilihat bagi menilai sama ada perintah khidmat masyarakat dapat diimplementasikan melalui peruntukan hukuman yang sedia ada. Berdasarkan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Johor 2003 (ETJSJ), Siti Zubaidah (2011) mendapati bahawa terdapat dua ruang hukuman perintah khidmat masyarakat ini boleh direalisasikan. Pertamanya, hukuman pemulihan ini boleh dilaksanakan terhadap pesalah muda berdasarkan kepada seksyen 128 (1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Johor 2003 menjelaskan sebagaimana berikut:

(1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemenjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa



tempoh pemenjaraan kerana keingkarannya membayar denda atau hukuman pemenjaraan –

(a) memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau

(b) memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahnya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130(a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.

Seksyen 128 ETJSNJ 2003 telah memberikan kuasa kepada Hakim Mahkamah Syariah dalam memberikan pertimbangan yang khusus apabila melibatkan pesalah muda yang berusia di bawah 18 tahun bagi menggantikan apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkarannya membayar denda atau hukuman penjara untuk mengeluarkan perintah dengan suatu teguran wajar ataupun bon berkelakuan baik boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dengan jaminan daripada kedua ibu bapa atau penjaganya, ia tertakluk kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Berdasarkan kepada peruntukan ini, penulis melihat Mahkamah syariah boleh memerintah pesalah menjalani hukuman perintah khidmat masyarakat melalui peruntukan 128 (1) (b) iaitu melalui perkataan '*kepada mana-mana orang lain*', penulis beranggapan bahawa maksud perkataan tersebut adalah mahkamah boleh menyerahkan pesalah kepada mana-mana orang yang berautoriti dalam memberi khidmat masyarakat kepada pesalah seperti pegawai masjid dan sebagainya dalam masa tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Selain itu juga, hukuman khidmat masyarakat ini juga boleh dilakukan terhadap pesalah kali pertama berdasarkan seksyen 129 (1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Johor 2003 yang telah menjelaskan bahawa:

(1) Apabila mana-mana orang yang bukan seorang pesalah muda telah disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan, maka jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu atau kepada apa-apa hal keadaan peringan yang



dalamnya kesalahan itu telah dilakukan adalah suaimanfaat bahawa pesalah itu dilepaskan dalam cubaan akhlak untuk berkelakuan baik, Mahkamah boleh, dengan tidak menghukumnya serta-merta dengan apa-apa hukuman, mengarahkan supaya pesalah itu dilepaskan apabila dia mengikat bon dengan penjamin-penjamin dan sepanjang apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir dan menerima penghakiman jika dan apabila dipanggil dan sementara itu hendaklah berkelakuan baik.

Berdasarkan kepada seksyen 129 (1) ETJSNJ 2003, Mahkamah Syariah mempunyai kuasa budi bicara untuk melepaskan seseorang pesalah kali pertama (bukan pesalah muda) yang telah disabitkan kesalahan dan boleh dihukum dengan hukuman denda mahupun pemenjaraan. Hukuman itu hendaklah sesuatu yang dianggap suai manfaat untuk pesalah berkenaan. Peruntukan tersebut telah memberi ruang kepada Mahkamah Syariah dalam memerintahkan pesalah supaya diletakkan dalam cubaan akhlak untuk berkelakuan baik dan mahkamah juga boleh mengarahkan pesalah tersebut menjalani apa-apa hukuman sepanjang tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah syariah. Walaupun begitu, beberapa faktor perlu diambil kira sebelum hukuman ini dijatuhkan, mahkamah perlu mengambil kira seperti watak, latar belakang, umur, kesihatan, keadaan mental pesalah serta tahap keringanan jenis kesalahan yang dilakukan pesalah. Peruntukan ini telah memberikan kuasa kepada hakim untuk melaksanakan hukuman pemulihan berbentuk khidmat masyarakat kepada pesalah kali pertama.

## **2) Rumah Kebajikan**

Dalam konteks ini, walaupun Hakim Syarie diberi kuasa untuk melepaskan pesalah kali pertama melalui bon jaminan berkelakuan baik, terdapat satu lagi peruntukan undang-undang yang bersifat pemulihan. Hukuman pemulihan tersebut boleh dilaksanakan terhadap semua kesalahan jenayah syariah berdasarkan seksyen 97 (2) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor 2003 menjelaskan bahawa:

(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh, tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah –

(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; atau



Berdasarkan seksyen 97 (2) (b) ETJSNJ 2003, mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pesalah yang telah disabitkan kesalahan dan menghukumkan pesalah tersebut ditempatkan di suatu rumah kebajikan yang telah diluluskan oleh pihak Majlis untuk menjalani apa-apa program pemulihan di tempat tersebut. Peruntukan ini telah memberikan kuasa kepada Hakim Syarie dalam memerintahkan hukuman yang berbentuk pemulihan kepada semua pesalah jenayah syariah, dalam cubaan untuk memulihkan diri pesalah seperti mengarahkan semua pesalah solat jemaah lima waktu di tempat tersebut, melaksanakan kerja-kerja amal, menjalani sesi kaunseling atau khidmat nasihat dan apa-apa yang difikirkan patut oleh. Walaupun Mahkamah Syariah hanya dibenarkan menghukum dengan hukuman disebutkan dalam peruntukan namun Hakim Syarie masih mempunyai budi bicara kerana kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan merupakan kesalahan ta'zir yang tidak ditentukan kadarkan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian dan perbincangan yang telah dinyatakan di atas, kesimpulannya, hukuman penjara dan denda bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan masih kurang berkesan dalam menangani dan mencegah jenayah lelaki berlagak seperti perempuan daripada berlaku. Sekali lagi perlu ditekankan bahawa tujuan hukuman ta'zir yang mana dalam kajian ini merupakan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan mesti mempunyai tujuan untuk mencegah dan juga membuatkan pesalah insaf dan tidak mengulangi jenayah yang sama. Maka amatlah wajar untuk hukuman alternatif dilaksanakan sebagai hukuman kesalahan jenayah tersebut.

Perintah pemulihan harus dijatuhkan kepada pesalah agar usaha untuk memulihkan nilai moral dan agama mereka dapat dilakukan dengan adanya pemantauan dari masa ke semasa. Kelas bimbingan dan agama tersebut bukan sahaja dapat mengajar mereka tentang akhlak sebenar sebagai seorang Islam malah dapat memberikan kesedaran kepada mereka tentang betapa salahnya perkara yang mereka telah lakukan justeru menginsafkan mereka agar tidak melakukan jenayah yang sama.

## **RUJUKAN**

Al-Qur'an al-Karim.

Abdul Aziz Haji Hanafi. 1987. Kedudukan Mak Nyah Dalam Islam. *Seminar Mak Nyah "Ke Arah Menentukan Identiti Dan Status Mak Nyah Dalam Masyarakat"*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 24-25 Oktober.

Abdullah Yusof. 2001. Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara Dan Pengalaman Para Banduan Di Penjara Malaysia. *Jurnal Syariah* 9:1. UM: Kuala Lumpur.



Al-Andalusi. 1967. *Al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-'Asanid*. t.tp: t.pt.

Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al Adib Samuri. 2014. Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Malaysia. *Jurnal Kanun*, 26 KANUN (2). Kuala Lumpur: DBP.

\_\_\_\_\_. 1990. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizarah al-'Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah

Asmugi Haji Mohd Sidek. 2001. *Kecelaruhan Gender Dari Perspektif Islam*. Kertas kerja Konvensyen PERKAMA Ke-10: Kaunseling Kecelaruhan Gender. Anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia. Kuala Lumpur, 12-13 Mei.

Al-Bukhariyy, Abu Abdullah Muhammad ibn Isma'ail. 1989. *Sahih al-Bukhariyy*. Damshik: Dar Ibn Kathir.

Hashim Mehat, 1991. *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Ibn Hajar Asqalani. 1986. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Riyan.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Mahmud Ibn Yazid al-Qazwayni. 1998. *Sunan Ibn Majah*. Cairo: Dar al-Hadis.

Ibn Qudamah. 1997. *Al-Mughni*. Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub.

Ibn Kathir, Imad al-Din Abi al-Fida Ismail Ibn Umar Ibn Kathir. 1988. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Dar al-Rayan Liltarath.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Manual Islam & Mak Nyah*. 2013. Selangor: Percetakan Tinta Sdn Bhd.

Mariani Ali. 2012. *Transeksual Menurut Perpektif Syarak & Perundangan Di Malaysia*. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

Mat Saad Abd. Rahman. 2008. *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.

Mohd. Ali Sarbini. 2002. Fenomena Transeksual dari Pandangan Islam. *Kertas kerja Seminar Transeksualiti Di Institusi Pengajian Tinggi*. Anjuran Unit Perumahan dan Perkhidmatan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia. Melaka, 23-25 Julai.

Muhammad Rawas. 1985. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafa.

Al-Sarkhasi. 1987. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.



Al-Sharbini. 1997. *Mughni al-Mukhtaj ila Macrifah Macani al-Faz al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Macrifah.

Siti Zubaidah binti Ismail. 2011. Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Seminar Pendakwaan Syariah*. 1 November. Intekma Resort & Convention Centre. Shah Alam: JAIS, 1-17.

Siti Zubaidah Ismail. 2011. Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Shariah Law Reports*, 4.

#### Statut

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor 2003

Arahan Amalan Mahkamah Syariah No 8 Tahun 2005

#### Kes

Pendakwa Syarie Iwn Mohd Zain bin Md Sani

(Mahkamah Rendah Syariah Muar, Kes Jenayah No. 01003-159-0128-2009, 01003-159-0451-2010, 01003-159-0251-2011 & 01003-159-0127-2012). Kes ini tidak dilaporkan.